

06 JUL 1998

Maulidur-Sambutan

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DIADAKAN DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Seramai 12,000 umat Islam menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul dari Dataran Merdeka ke Pusat Islam di sini pagi ini.

Perarakan itu yang bermula pada 8 pagi diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Sambutan tahun ini yang bertemakan "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam.

Walaupun hujan renyai, peserta perarakan tetap teruskan perjalanan melalui Jalan Parlimen dan Jalan Cenderawasih dengan membawa sepanduk sambil melagukan selawat.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu ialah kakitangan jabatan kerajaan, kakitangan badan berkanun dan swasta, anggota pertubuhan, persatuan dan masjid, kumpulan dari universiti, maktab dan pusat pengajian tinggi serta sekolah-sekolah.

Pelbagai program lain telah diatur sempena sambutan pada tahun hijrah 1419 ini. Antaranya bacaan Al-Quran oleh Johan Qari Kebangsaan peringkat Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, persembahan nasyid, Anugerah Maulidur Rasul serta hadiah pasukan perarakan terbaik.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 1,000 orang hadir pada majlis sambutan di dewan besar Wisma Darul Iman.

Sultan Terengganu ketika bertitah mengingatkan bahawa suasana murung yang melanda ekonomi negara tidak seharusnya mewajarkan umat Islam gawat dalam penghayatan terhadap ajaran agama.

Baginda mahukan rakyat yang beragama Islam lebih mengamalkan semula beberapa amalan sunnah seperti ziarah-menziarahi dan gotong-royong bagi tujuan mengukuhkan ikatan tali silaturrahim serta kasih sayang.

Di KUANTAN, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob berkata kerajaan negeri mempunyai rancangan sendiri untuk menangani masalah ekonomi negara sekarang, termasuk meningkatkan pengeluaran makanan menerusi Pelan Peningkatan Pengeluaran Makanan Negeri Pahang.

Semasa berucap pada majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Dewan Konvensyen Negeri, beliau berkata menerusi pelan itu, usaha-usaha akan dilakukan bagi membangunkan sembilan taman pengeluaran makanan sayuran dan 35 dusun nukleus buah-buahan secara komersil.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai mengetuai 75 kontinjen yang dianggotai kira-kira 6,000 umat Islam dalam satu perarakan sempena sambutan itu dari Padang Merdeka menuju ke Masjid Negeri di Sembulan.

Acara-acara lain pada sambutan itu yang turut disertai Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam ialah pertandingan sepanduk serta penyampaian anugerah Maulidur Rasul kepada enam penerima di Sabah.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra dijadual menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri malam ini di Masjid Tuanku Ismail Petra Kubang Kerian.

Dijangka turut hadir Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman serta anggota-anggota Exco negeri.

Di PULAU PINANG, lebih 2,000 umat Islam menyertai majlis perhimpunan ummah sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang diadakan di Masjid Bayan Baru.

Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir semasa berucap merasmikan majlis itu mengingatkan umat Islam supaya tidak menjual maruah atau mengkhianati negara untuk kepentingan peribadi dan mengejar keuntungan semata-mata.

Di SIBU, Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Patinggi Ahmad Zaidi Adruce Mohammad Nor menggesa rakyat supaya lebih sensitif kepada sebarang elemen yang boleh mengganggu-gugat kesejahteraan negeri dan negara.

Katanya sikap berwaspada ini lebih diperlukan ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi kini.

Beliau kemudian diiringi Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud mengetuai perarakan sambutan Maulidur Rasul negeri sejauh dua kilometer yang disertai kira-kira 3,000 orang.

Di SEREMBAN lebih 5,000 umat Islam membanjiri Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini untuk majlis sambutan peringkat negeri setelah perhimpunan yang pada awalnya diadakan di Padang NS ditangguhkan kerana hujan.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar mengetuai perarakan mengelilingi bandar itu setelah hujan reda.

Di ALOR SETAR, majlis sambutan diadakan malam tadi di Masjid Zahir yang dihadiri Sultan Kedah, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan kira-kira 500 jemaah.

Majlis itu dipenuhi dengan bacaan yasin dan ceramah agama. Majlis yang serupa juga diadakan di masjid-masjid di semua daerah.

Di MELAKA, lebih 5,000 umat Islam tidak menghiraukan hujan untuk menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin mengetuai perarakan itu yang bermula dari Stadium Kubu kira-kira 8.45 pagi sebelum berakhir di perkarangan Masjid Al Azim.

-- BERNAMA

TM RON